

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN
RAWATAN PEMBEDAHAN JANTUNG PEDIATRIK
DI NARAYANA HRUDAYALAYA INSTITUTE OF CARDIAC SCIENCES,
BANGALORE, INDIA (NHB)
DI BAWAH TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)**

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Pesakit jantung kanak-kanak dari keluarga miskin / kurang mampu yang disokong oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan atau Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- c) Pesakit jantung kanak-kanak yang dirawat dan dirujuk oleh Pakar Kardiologi Pediatrik dan Pakar Bedah Jantung Pediatrik Hospital Kerajaan , Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. KONSEP BANTUAN

- a) Bantuan hanya dipertimbangkan sebelum rawatan dibuat. Permohonan bagi rawatan yang telah dibuat tidak akan dipertimbangkan;
- b) Rawatan pembedahan diperolehi di Narayana Hrudayalaya Institute Of Cardiac Sciences, Bangalore, India (NHB);
- c) Bagi pembedahan jantung pediatrik kronik dan stabil, yang tidak dapat dilakukan di dalam negara oleh kerana masalah menunggu yang lama;
- d) Bantuan akan dipertimbangkan bagi pesakit yang ditentukan oleh pakar kardiologi pediatrik dan pakar bedah jantung pediatrik, Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- e) Bantuan akan diberi untuk kos rawatan, penginapan dan makanan pesakit dan seorang pengiring termasuk perbelanjaan

- pengangkutan, visa, insuran perjalanan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan keperluan perjalanan pesakit dan seorang pengiring.
- f) Rawatan mesti mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Perubatan Malaysia.

3. PESAKIT YANG TIDAK LAYAK

Kakitangan kerajaan atau pesara kerajaan atau anggota keluarga kakitangan yang mendapat faedah perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001, Pelaksanaan Kemudahan Perubatan (JPA).

4. PEMBATALAN PERMOHONAN

Semua permohonan adalah terbatal jika :

- i. Maklumat yang diberikan didapati tidak benar.
- ii. Pesakit yang mendapat tajaan daripada pihak lain atau rawatan tidak diperlukan lagi.